



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***PENGGUNAAN PEPATAH TAMIL DALAM PEMBINAAN KEBAHAGIAAN  
DAN KESEJAHTERAAN INSTITUSI KELUARGA***

**UMAH DEVI A/P THANDAVARAYAN**

**IPSS 2012 2**

**PENGGUNAAN PEPATAH TAMIL DALAM  
PEMBINAAN KEBAHAGIAAN DAN  
KESEJAHTERAAN INSTITUSI KELUARGA**

**UMAH DEVI A/P THANDAVARAYAN**

**MASTER SAINS**

**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**2012**

**PENGGUNAAN PEPATAH TAMIL DALAM PEMBINAAN  
KEBAHAGIAAN DAN KESEJAHTERAAN INSTITUSI KELUARGA**

Oleh

**UMAH DEVI A/P THANDAVARAYAN**

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti  
Putra Malaysia Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Master**

**Januari 2012**

Abstrak tesis yang telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra

Malaysia

sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains.

**PENGGUNAAN PEPATAH TAMIL DALAM PEMBINAAN  
KEBAHAGIAAN DAN KESEJAHTERAAN INSTITUSI KELUARGA**

Oleh

**UMAH DEVI THANDAVARAYAN**

**Januari 2012**

**Pengerusi : Paramasivam A/L Muthusamy PhD**

**Fakulti : Institut Pengajian Sains Sosial**

Pepatah Tamil mempunyai fungsi untuk membentuk keluarga bahagia dan sejahtera serta berupaya menjadi penyumbang keamanan Negara tidak diketahui oleh masyarakat pada hari ini. Senario yang membimbangkan ini tercetus kerana pepatah Tamil jarang dijadikan sebagai wadah komunikasi kehidupan seharian, persaingan penggunaan bahasa asing yang lebih menjanjikan kemewahan, kesibukan ibu bapa bekerja dan kecanggihan teknologi tanpa sempadan yang meminggirkan fungsi pepatah dalam kehidupan masa kini. Justeru, pengkaji menjelaskan permasalahan dalam aspek institusi sosial kekeluargaan dan elemen kebahagiaan untuk didikan moral berdasarkan perspektif pepatah Tamil. Penyelidikan yang dijalankan ini menetapkan sebanyak tiga objektif iaitu memberikan gambaran yang

jelas dengan meneroka keunikan dan keistimewaan pepatah dari segi tradisi dan pemikiran masyarakat Tamil. Seterusnya, menghuraikan institusi keluarga Tamil dari segi sosial kemasyarakatan melalui pepatah Tamil dan membincangkan cara penggunaan pepatah Tamil yang dapat membantu membentuk keluarga yang sejahtera dalam masyarakat Tamil. Penyelidikan yang dijalankan ini berasaskan penelitian aplikasi Teori Bowen, Teori Sociolinguistik dan Teori Keamanan Maslow. Secara tuntasnya, Teori Bowen membincangkan sistem keluarga yang mementingkan ikatan kekeluargaan dengan penuh kasih sayang dan setiap ahli keluarga tidak boleh terasing antara satu sama lain. Teori kedua iaitu Teori Sociolinguistik pula menghuraikan penggunaan pepatah Tamil sebagai bahasa komunikasi. Akhir sekali, Teori Keamanan Maslow menjelaskan keperluan asas manusia mengikut hirarki. Kaedah kajian yang dipilih ialah kajian kualitatif dan informan dipilih secara rawak dari sebuah sekolah Tamil di Petaling Jaya, Selangor. Informan yang terpilih ditemuramah untuk mendapatkan maklumat mengenai kajian yang dilakukan. Seterusnya kajian heuristik dan kajian perpustakaan turut dijalankan oleh penyelidik untuk memperincikan konsep dan kepentingan pepatah Tamil serta situasi keluarga Tamil. Maklumat-maklumat seperti pembentukan sesebuah keluarga melalui suami isteri, tanggung jawab anak-anak terhadap ibu bapa turut dibincangkan secara kritis dan berkesan melalui pepatah yang dikaji turut dijelaskan dalam penyelidikan ini. Istimewanya, dapatan kajian ini mendedahkan keunikan dan keistimewaan pepatah dari segi tradisi dan pemikiran masyarakat Tamil serta fungsinya memberikan pengajaran. Sebanyak sembilan pepatah Tamil berjaya dikumpul melalui temuramah dari informan

dan melalui kajian ini dapat membuktikan bahawa wujud penggunaan pepatah Tamil dalam kalangan keluarga tetapi semakin berkurangan. Pepatah Tamil dapat melahirkan keluarga yang sejahtera dengan menitik beratkan aspek kekeluargaan iaitu aspek perwatakan suami dan isteri, perwatakan dan peranan anak dari aspek moral. Seterusnya, pepatah Tamil dapat mengekalkan nilai-nilai moral dan kemasyarakatan dan keluarga yang aman serta sejahtera. Melalui penyelidikan ini, tingkah laku dan pemikiran pendengar dapat diubah. Malahan, penyelidikan ini dapat memperlihatkan persepsi dan peranan pepatah Tamil bukan sahaja sekadar khazanah tradisi masyarakat Tamil semata-mata. Malahan, penyelidikan ini berjaya membuktikan fungsi pepatah dapat dikukuhkan serta peranannya sebagai 'sumber' nilai moral dalam pembentukan keluarga yang bahagia dan sejahtera yang membentuk Negara yang aman. Tidak dinafikan, keberkesanan menggunakan pepatah Tamil menjadi 'anak kunci' kebahagiaan dalam kehidupan seharian.

Abstract of this thesis is presented to the senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement of the degree of Master of Science

**TAMIL PROVERB USE IN THE CONSTRUCTION OF FAMILY  
HAPPINESS AND WELL-BEING OF THE INSTITUTION**

By

**UMAH DEVI THANDAVARAYAN**

**January 2012**

**Chair : Paramasivam A/L Muthusamy (PhD)**

**Faculty: Institute of Social Science Studies**

Sayings in Tamil language nowadays are less known and seldom used in our daily life. The effectiveness of sayings in Tamil language which acts as the 'key' for a family's happiness, is not realised by the public. This research is carried out to examine the ability of Tamil language sayings as a form of guidance in building a family system that is happy, safe and rich with moral values. Hence, the focus of this research gives a clear picture by revealing the uniqueness and specialties of sayings from the traditional aspect and the perspectives of the Indian society as well as its function as a lesson towards a happy and safe family formation in this country. Obviously, Tamil language sayings play a role in forming a happy and safe family system in the Indian society. This research is based on the application of Bowen's Observation Theory and Sociolinguistic Theory and Maslow's Peace Theory. Bowen's Theory describes the importance of family relationship and love among family members. The Sociolinguistic Theory explains the usage of Tamil sayings in Communication. Apparently, Maslow's Peace Theory explains human's basic need according to hierarchy. Interview was chosen as the research method and was conducted among the selected informants from a Tamil primary school in Petaling

Jaya, Selangor. In addition, heuristic study and library study were also carried out by the researcher to provide details with the concept and the importance of Tamil sayings as well as the Indian family's situation that is elaborated qualitatively. Issues such as the establishment of a family through husband and wife and children's responsibilities towards their parents are discussed critically. The effectiveness of the sayings are studied as well. The research findings prove that the usage of Tamil language sayings brings changes to the behaviours and thinkings of the listeners. In fact, this research aims to change the perception and role of Tamil language sayings in which the sayings are not solely be treated as the Indian society's inherited treasure. This is because the comprehension and function of the Tamil language sayings can be strengthened and the role of the saying as a 'source' of moral value in the formation of happy and safe family are provable in this research.



## PENGHARGAAN

Lafaz syukur sepanjang hayat pada Tuhan yang ‘menjanjikan’ dan membekalkan kekuatan dan ketabahan kepada saya untuk menyiapkan penulisan tesis ini. Cabaran sepanjang tempoh ‘perjuangan’ ini mendekatkan lagi diri kepadaMu yang Maha Pencipta lagi Maha Mengasihi.

Seharum narwastu, serungkal kata ‘terima kasih segalanya’ kepada Pensyarah, Dr. Paramasivam A/L Muthusamy selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan Tesis yang sentiasa tekun membimbing, menunjuk ajar dan memberi kata-kata semangat kepada saya untuk menyiapkan penulisan ini. Tidak dilupakan, ucapan terima kasih di atas kerjasama yang diberikan oleh Dr. Jamilah Othman sebagai Jawatankuasa Penyeliaan Tesis serta panduan yang diberikan oleh Dr Sharil. Bicara indah ‘terima kasih juga kepada semua pendidik yang pernah mendidik yang pernah mendidik saya sehingga ke hari ini.

Teman istimewa, Venu Gopalan A/L Vilvan, kasih sayang dan pengorbananmu sebagai seorang suami amat dihargai. Kehadiran dirimu dalam hidupku sangat dihargai sepanjang hayat. Kerana dirimu diriku dapat melanjutkan perjuanganku. Segala ketabahanmu melihat ‘pertarungan’ masa bersamaku untuk menyiapkan tesis ini tidak dapat dizahirkan dengan kata-kata. Kepada cahaya mata, V. Navindiran, V, Sharimina, V. Harundiran dan V. Yogavilvandiran, semoga legasi ilmu ini dapat menyinari hidup kita sekeluarga.

Setulus kata, segunung kasih abadi kepada ayah (Thandavarayan A/L Arumugam) dan emak (Palamah A/P Doraisamy) yang sangat memahami diri ini dan berkat iringan doa kalian sentiasa memahami hidup ini. Kepayahan membesarkan dan didikan kalian tidak dapat dipisahkan daripada darah perjuangan hidup ini. 'Jauh dimata, dekat di hati' buat sahabat (Maryam Syaranawat), terima kasih kerana sanggup bersama-sama membantu dan menempuh waktu sukar selama ini kepada semua ahli keluargaku. Kejauhan menuntut ilmu, tidak melunturkan ikatan kekeluargaan kita.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains Sosial. Ahli Jawatan Kuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Paramasivam A/L Muthusamy, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Jamilah Othman, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Institut Pengajian Sains Sosial

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

---

**BUJANG BIN KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## **PERAKUAN**

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang sah dan asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.

---

**UMAH DEVI THANDAVARAYAN**

Tarikh : 10 Januari 2012



# KANDUNGAN

## Muka Surat

<b>ABSTRAK</b>	<b>III</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>VI</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>VIII</b>
<b>PENGESAHAN</b>	<b>X</b>
<b>PERAKUAN</b>	<b>XII</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>XVI</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>XVII</b>
<b>TRANSLITERASI TAMIL</b>	<b>XVIII</b>
<b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyataan Masalah	8
1.3 Objektif Penyelidikan	12
1.4 Kepentingan Penyelidikan	13
1.5 Skop Penyelidikan	14
1.6 Konsep Pepatah dan Institusi Keluarga	16
1.7 Konsep Pepatah Melayu dan Tamil	16
1.8 Pandangan Sarjana Tentang Pepatah	19
1.9 Pendapat Umum tentang Pepatah	20
1.10 Konsep Kebahagiaan Keluarga yang Terkandung dalam Pepatah	20
1.11 Kesimpulan	21
<b>2 SOROTAN LITERATUR</b>	
2.1 Pengenalan	23
2.2 Penyelidikan Terdahulu tentang Pepatah Tamil	23
2.3 Palamoli daripada Sarjana Barat dan Tempatan	30
2.4 Penyelidikan-penyelidikan Terdahulu tentang Institusi Keluarga	35
2.4.1 Konsep Institusi	35
2.4.2 Pandangan Sarjana tentang Institusi Sosial	35
2.5 Kesimpulan	35

### 3 METODOLOGI

3.1	Metodologi Penyelidikan	41
3.2	Konsep Teori	41
3.2.1	Teori Sistem Keluarga	41
3.2.2	Teori Sosiolinguistik	45
3.2.3	Teori Keamanan Maslow	47
3.2.3.1	Keperluan Fisiologi	49
3.2.3.2	Keperluan Keselamatan	49
3.2.3.3	Keperluan Kasih Sayang dan Kepercayaan	50
3.2.3.4	Keperluan Penghargaan Kendiri	51
3.2.3.5	Keperluan Kesempurnaan Kendiri	51
3.3	Proses Menganalisis Data	52
3.4	Pemilihan Penyelidikan Kualitatif	54
3.5	Pemilihan Penyelidikan Heuristik	57
3.6	Pemilihan Informan	58
3.7	Teknik Persampelan	59
3.8	Pengumpulan Data	62
3.9	Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	65
3.10	Kesimpulan	65

### 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	67
4.2	Mendedahkan Keunikan dan Keistimewaan Pepatah Dari Segi Tradisi dan Pemikiran Masyarakat Tamil serta Fungsinya yang Memberikan Pengajaran	68
4.3	Keunikan dan keistimewaan pepatah Tamil dari segi Tradisi	69
4.3.1	Keunikan Pepatah Tamil dari Pandangan Tholkaappiar	70
4.3.1.1	Nunmai	72
4.3.1.2	Surukkam	74
4.3.1.3	Oli	75
4.3.1.4	Udaimai	75
4.3.1.5	Menmai	76
4.3.1.6	Kuritha porulai mudithal	77
4.3.1.7	Yeethu nuthaluthal	78
4.3.2	Keunikan Pepatah Tamil dari Unsur Diksi	79
4.3.2.1	Unsur Diksi	80
4.4	Institusi Keluarga Tamil dari segi Sosial Kemasyarakatan	88
4.4.1	Senarai Pepatah dan Aspek-aspek Penyelidikan	90

4.5	Penggunaan Pepatah Tamil dapat Membantu Melahirkan Keluarga yang Bahagia dan Sejahtera dalam Masyarakat Tamil.	101
4.5.1	Senerai Pepatah dan Aspek Penyelidikan	102
4.5.2	Perbincangan dan Analisis setiap aspek Keluarga dari Perspektif Pepatah Tamil yang Membincangkan kebahagiaan dan Moral dalam Membina Keluarga yang Bahagia.	106
4.5.2.1	Aspek kekeluargaan Antara Suami dan Isteri	106
4.5.2.2	Perwatakan dan Peranan Anak	113
4.6	Institusi Keluarga Bahagia	123
4.9	Kesimpulan	130
<b>5</b>	<b>KESIMPULAN</b>	
5.1	Pengenalan	132
5.2	Rumusan Kajian	133
5.2.1	Keunikan Pepatah Tamil	133
5.2.2	Keluarga Tamil dari segi Sosial Kemasyarakatan melalui Pepatah Tamil	134
5.2.3	Melahirkan Keluarga yang Sejahtera dalam Masyarakat Tamil	134
5.3	Implikasi Penyelidikan	137
5.4	Cadangan Penyelidikan	139
5.5	Penutup	141
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	141
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	150